

15/11/2001

Usahawan Melayu wajar manfaat bidang pertanian

PEMBANGUNAN industri makanan berasaskan pertanian tidak boleh sesekali dipandang sebelah mata oleh usahawan Melayu jika mereka mahu berjaya setanding usahawan bangsa lain.

Dalam hal ini, mereka disaran bersungguh-sungguh memanfaatkan sepenuhnya peluang yang diberikan kerajaan, khususnya bagi meningkatkan mutu produk dan saingan, sekali gus menembusi pasaran antarabangsa.

Kerajaan melalui Kementerian Pertanian mewujudkan banyak peluang kepada usahawan dalam pelbagai sektor pertanian seperti peluang dalam penanaman buah-buahan, herba, akuakultur dan bunga-bunga.

Kesedaran ini timbul kerana sektor itu bukan lagi industri sokongan, sebaliknya penyumbang besar dalam pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Buktinya, dalam suku pertama tahun ini saja, sektor pertanian mencatatkan pertumbuhan KDNK paling tinggi iaitu 12 peratus berbanding sektor lain seperti perkilangan (3.7 peratus), perkhidmatan (3.6 peratus) dan pembinaan (0.9 peratus).

Justeru, bagi memastikan sektor berkenaan sentiasa berdaya maju dan terus meningkat, maka pelbagai galakan serta peluang dalam industri itu dilaksanakan kerajaan.

Malah Belanjawan 2002 yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini, turut mengetengahkan pelbagai galakan kepada usahawan yang terbabit secara langsung dalam industri berasaskan pertanian.

Akta Galakan Pelaburan 1986 dan Akta Cukai Pendapatan 1967 memperuntukkan beberapa insentif kepada usahawan yang bergiat secara aktif membangunkan industri pertanian seperti taraf perintis, elaun cukai pelaburan, insentif penyelidikan dan pembangunan serta elaun pertanian.

Di samping itu, beberapa insentif tambahan diberikan kepada syarikat yang mengendalikan projek pengeluaran makanan yang diluluskan.

Antaranya, melalui galakan mengikut Akta Cukai Pendapatan 1967, syarikat yang melabur dalam industri dan projek berasaskan makanan akan diberi pengecualian cukai bersamaan dengan jumlah pelaburan dalam industri terbabit.

Berdasarkan keadaan itu, jelas di sini bahawa tumpuan kerajaan dalam sektor pertanian tidak lagi untuk meningkatkan taraf ekonomi rakyat, malah paling mustahak meningkatkan bilangan korporat, khususnya daripada kalangan usahawan Melayu.

Sehingga ini, pegangan Bumiputera dalam dunia korporat lebih sedikit berbanding bangsa lain.

Pada akhir 1990, kajian terhadap keberkesanan Dasar Ekonomi Baru (DEB) mendapati hanya 20 peratus ekuiti Bumiputera dalam sektor korporat iaitu kurang 10 peratus daripada sasaran asal DEB.

Oleh demikian dengan adanya galakan dan peluang itu, maka diharapkan ramai usahawan Melayu tampil serta memanfaatkan usaha kerajaan.

Dari sudut lain, langkah berkenaan turut bertujuan mengurangkan import makanan negara yang semakin bertambah dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini. Tahun ini saja, import makanan mencatatkan kadar tinggi iaitu RM12 bilion berbanding RM11.4 bilion (2000) dan RM10.5 bilion (1999).

Menyedari peluang yang boleh diterokai dalam sektor itu, Persatuan Perdagangan dan Pengusaha Melayu Malaysia (Perdasama) dengan kerjasama Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (Mardi)

mengadakan Seminar Pelaburan Dalam Industri Tani, baru-baru ini.

Seminar itu bertujuan menyingkap pelbagai peluang dalam industri pertanian yang boleh diterokai oleh usahawan Melayu dan memantapkan daya saing mereka dalam perniagaan serta pelaburan tani.

Tumpuan utama ialah mengenal pasti langkah meningkatkan pasaran, daya saing dan jaringan antara usahawan Melayu.

Begitu pun apa saja peluang dan langkah diketengahkan, ia dianggap tidak berhasil jika usahawan Melayu tidak menggunakannya sebaik mungkin.

Dalam hal ini, satu perkara yang ditekankan dalam seminar itu ialah mengenai sikap usahawan Melayu, khususnya bagi meningkatkan daya saing dengan usahawan bangsa lain.

Pada masa ini, ada petani dan pengusaha Melayu yang dilanda krisis sikap seperti leka, segan dan takut mencuba kepelbagaian teknologi pertanian serta pemakanan.

Sudah tentu, trend itu tidak menguntungkan bangsa Melayu, sebaliknya mengurangkan produktiviti pengeluaran, sekali gus melemahkan penguasaan mereka dalam perniagaan dan perdagangan.

Ketua Pengarah Mardi, Dr Saharan Anang ketika mendedahkan perkara itu mengetengahkan bagaimana langkah yang sepatutnya dilakukan oleh usahawan Melayu.

Padanya, krisis sikap itu hendaklah dipulihkan terlebih dulu jika bangsa Melayu mahu bersaing dengan bangsa lain.

Dalam hal itu, perubahan sikap amat mustahak kerana boleh membentuk usahawan Melayu berinovatif, cekal, tabah dan berani ketika berdepan dengan pelbagai cabaran dalam industri pertanian pada masa depan.

Perkara itu penting kerana pada masa depan, usahawan tidak lagi berdepan dengan barangan tempatan tetapi persaingan barangan luar negara khususnya selepas pelaksanaan sepenuhnya kawasan perdagangan bebas Asean (Afta).

"Mereka yang takut, segan dan tidak komited dalam perniagaan akan jauh ketinggalan.

"Tentunya jika hal itu berlaku, maka sektor makanan tempatan tidak mendapat menembusi pasaran dunia.

"Bagi mengelak masalah pasaran dan menghadapi globalisasi, maka mereka hendaklah berusaha gigih, meningkatkan daya saing dan ekonomi berasas berpengetahuan (k-ekonomi)," kata Saharan.

Sikap itu tidak hanya mengurangkan produktiviti mereka, bahkan turut menjejaskan permintaan produk Melayu di pasaran.

"Mereka mengambil mudah teknik pemasaran terkini. Natiujahnya, barangan mereka tidak memenuhi piawaiian pelabelan semasa, sekali gus menyebabkan keluaran makanan Bumiputera tidak mendapat tempat di pasaran," katanya.

Bagi mengatasi kelemahan itu, maka Mardi melaksanakan beberapa kegiatan dan merancang strategi jangka panjang bagi membantu meningkatkan penguasaan industri makanan Bumiputera.

Antara langkah utama yang dijalankan ialah melalui penganjuran pelbagai kursus bimbingan dan khidmat nasihat khususnya bagi menyalurkan kepakaran Mardi dalam sektor pengeluaran hasil pertanian.

Sehingga ini, banyak kegiatan dianjurkan Mardi melalui penyertaan pelbagai peringkat usahawan.

Umpamanya, melalui kegiatan rangkaian inovasi dan pembangunan usahawan Mardi, beberapa langkah dirancang bagi merangsang proses inovasi di kalangan usahawan dan syarikat seperti khidmat kepakaran, pembangunan pasaran latihan, khidmat pembangunan dan pengkomersialan teknologi serta pembangunan usahawan industri kecil dan sederhana (IKS).

Selain merangsang proses inovasi teknologi, ia dapat mewujudkan rangkaian perkongsian maklumat mengenai perkembangan teknologi serta industri pembangunan industri berasaskan pertanian di negara ini.

Secara tidak langsung, ia meningkatkan keberkesanan usaha Mardi dalam

membangun dan memindahkan teknologi serta membantu usahawan mengurangkan proses inovasi dan pembangunan daya saing.

Dalam pada itu, Mardi turut meningkatkan kecekapan jenteranya khususnya dengan menghantar beberapa pegawai dan kakitangan mengikuti kursus dalam pelbagai bidang, terutama untuk memastikan teknologi dan penyelidikan pertanian negara sentiasa berkembang.

Dr Saharan berkata, pegawai dan kakitangan didedahkan dengan kemahiran berkomunikasi untuk membolehkan mereka berinteraksi dengan lebih baik ketika berdepan dengan konflik serta masalah.

Ini bermakna, pegawai Mardi selaku front officer boleh menyampaikan maklumat tanpa rasa kekok, malah menjawab kemusykilan yang dihadapi oleh pengusaha terbabit.

Langkah itu, katanya, amat mustahak kerana masih ada usahawan Bumiputera yang tidak dapat menerangkan kepada Mardi apakah masalah yang dihadapi dan mempercepatkan pemindahan teknologi pertanian.

Akibatnya, mereka mengambil jalan mudah iaitu mengeneipkan khidmat nasihat yang disampaikan oleh Mardi walaupun tahu langkah itu kurang mendatangkan hasil lumayan dan komersial.

Selain itu, kata Dr Saharan, Mardi mengukuhkan jalinan transformasi maklumat melalui peningkatan hubungan dua hala di antara pengusaha dengan menganjurkan hari terbuka Mardi di setiap negeri dan daerah.

Hakikatnya, kesungguhan Mardi meningkatkan kepekaan usahawan dan petani dengan kemajuan terkini pertanian adalah mekanisme penting untuk berjaya.

Namun seandainya, usaha berkenaan tetap gagal dimanfaatkan, maka ketika itu, agensi terbabit tidak wajar dipersalahkan.

"Saya tidak tahu, mengapa masih ada petani dan usahawan Bumiputera yang tidak menyedari peluang ini.

"Tidak seperti pengusaha Cina, mereka sentiasa mengejar peluang itu tanpa mengenal erti keperitan.

"Tentunya, pada mereka, kesusahan yang dialami ketika itu akan membuahkan keuntungan lumayan untuk jangka panjang," katanya.

(END)